



## SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

*Malaysian Communications and Multimedia Commission*

# PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan Siasatan Awam mulai **15 Mei 2015**. Kertas Siasatan Awam seperti tajuk di bawah telah diterbitkan di laman web MCMC: <http://www.mcmc.gov.my>.

### KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA SENARAI CAPAIAN

Siasatan Awam ini adalah mengenai kajian semula Senarai Capaian, hasil dari kajian ini MCMC mungkin mengeluarkan penentuan baru atau menentukan perubahan kepada Senarai Capaian. Kajian semula ini dilaksanakan di bawah seksyen-seksyen 55(1), 56 dan 146 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Pihak MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai soalan khusus yang ditanya dan pandangan awal MCMC. Orang ramai juga dipelawa untuk membuat ulasan mengenai rasional dan analisa yang digunakan di dalam Kertas Siasatan Awam walaupun tiada soalan khusus mengenainya.

Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan hujah dan di mana berkenaan, ianya hendaklah disertakan dengan rujukan kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam Kertas Siasatan Awam hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12 tengah hari, Jumaat, 10 Julai 2015**.

MCMC juga akan mengadakan sesi penjelasan kepada orang ramai. Sesi ini akan diadakan di Auditorium MCMC, Aras 21, MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, Cyberjaya pada **Selasa, 16 Jun 2015, 9.30 pagi**.

Mereka yang ingin menghadiri sesi penjelasan ini dikehendaki mendaftar dengan pihak MCMC secara bertulis atau secara elektronik pada atau sebelum **12 tengah hari, Isnin, 1 Jun 2015** kepada alamat atau e-mel di bawah. Orang ramai yang ingin mengemukakan soalan semasa sesi penjelasan tersebut perlulah menghantar soalan-soalan tersebut sebelum **12 tengah hari, Isnin, 1 Jun 2015**.

#### Pengerusi

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

**MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya**

**Selangor Darul Ehsan**

**Tel: 603 8688 8000 Faks: +603 8688 1000**

**E-mel: [accesslist@cmc.gov.my](mailto:accesslist@cmc.gov.my)**

**Untuk perhatian: Pn Janakky Raju/Cik Karen Woo/Cik Pamela Tan**

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



## **SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

*Malaysian Communications and Multimedia Commission*

# **NOTIFICATION**

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is holding a Public Inquiry commencing from **15th May 2015**. The following Public Inquiry Paper is available for public viewing and comments on MCMC's website: <http://www.mcmc.gov.my>.

### **PUBLIC INQUIRY PAPER ON REVIEW OF ACCESS LIST**

This Public Inquiry is on the review of the Access List and could result in the MCMC determining a new or variation to the Access List. This review is being carried out pursuant to sections 55(1), 56 and 146 of the Communications and Multimedia Act 1998.

The MCMC invites members of the public to participate by sending written submissions on specific matters on which comments are sought and MCMC's preliminary views in the Public Inquiry Paper. Submissions are also welcome on the rationale and analysis in the Public Inquiry Paper where no specific questions have been raised.

Participants are encouraged to support their submissions with justifications and, where appropriate, provide or refer to evidence or other relevant information.

Written submissions on the matters raised should be provided to the MCMC, both in hard copy and electronic form, at the address below and via e-mail by **12 noon on Friday, 10 July 2015**.

The MCMC will also hold a clarification session for members of the public. The session will be held at the Auditorium of MCMC, Level 21, MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, Cyberjaya on **Tuesday, 16 June 2015 at 9.30 a.m.**

Members of the public who wish to attend should register with the MCMC by writing to the address below or via e-mail by **12 noon on Monday, 1 June 2015**. Parties who wish to address questions to the MCMC during the clarification session are required to send the questions in advance by **12 noon on Monday, 1 June 2015**.

**The Chairman**  
**Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
**MCMC Tower 1, Jalan Impact,**  
**Cyber 6, 63000 Cyberjaya**  
**Selangor Darul Ehsan**

**Tel: +603 8688 8000   Fax: +603 8688 1000**

**E-mail: [accesslist@cmc.gov.my](mailto:accesslist@cmc.gov.my)**

**Attention: Ms Janakky Raju/Ms Karen Woo/Ms Pamela Tan**

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**